

15/04/1997

Pemimpin beri pendapat berbeza

KUALA LUMPUR, Isnin - Beberapa pemimpin Umno hari ini berbeza pendapat mengenai keputusan Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang berundur sebagai Menteri Besar Selangor tetapi terus memegang jawatan Naib Presiden Umno.

Naib Presiden Umno, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata Muhammad berhak membuat sebarang keputusan berhubung kedudukan politiknya, termasuk mengekalkan jawatan Naib Presiden Umno.

Beliau juga yakin bekas Menteri Besar Selangor itu sudah memikirkannya secara mendalam sebelum memutuskan untuk mengekalkan jawatan Naib Presiden parti.

"Kalau itu keputusannya (mengekalkan jawatan Naib Presiden), itulah kita terima, saya tidak ada apa-apa komen.

"Semua yang terbabit dalam mesyuarat MT sudah memberi pandangan. Hampir semua MT yang hadir bercakap atas isu ini. Saya yakin, dia buat pertimbangan dan ini adalah keputusannya," katanya.

Bagaimanapun, bekas Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Muhammad sepatutnya meletakkan semua jawatannya, termasuk tiga yang masih disandang itu.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berkata alasan Muhammad bahawa beliau dilantik ahli parti bagi memegang jawatan itu, tidak kukuh.

"Kalau tak hendak letak jawatan, beliau patut berundur sementara. Biar MT yang buat keputusan sama ada ingin mengekalkannya atau tidak," katanya di sini.

Mereka mengulas keputusan Muhammad mengekalkan jawatan Naib Presiden Umno, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Batang kali dan Ketua Umno Bahagian Hulu Selangor.

Sabtu lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Muhammad meletak jawatan sebagai Menteri Besar, berkuatkuasa hari ini. Muhammad turut meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor dan Wilayah Persekutuan serta Pengerusi Barisan Nasional Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Di MELAKA, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani, berkata Muhammad wajar memegang terus jawatan Naib Presiden Umno dan Adun Batang Kali.

Menurutnya, kedua-dua jawatan itu adalah dipilih dan terpulanglah kepada orang yang memilih membuat keputusan.

"Jawatan ini, adalah jawatan dipilih, terpulang kepada orang yang memilih membuat keputusan," katanya.

Di IPOH, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata kesediaan Muhammad melepaskan beberapa jawatannya adalah satu langkah yang positif bagi menjaga nama baik Umno.

Menurutnya, langkah itu diambil mungkin atas kesedaran Muhammad sendiri untuk memelihara nama baik parti. Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut mengenai peletakan jawatan itu kerana ia masih terlalu awal.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menyifatkan keputusan Muhammad meletak jawatan sebagai Menteri Besar Selangor adalah satu keputusan yang baik demi menjaga maruah negara dan imej parti.

Menurutnya, keputusan Muhammad ingin terus memegang jawatan Naib Presiden Umno dan Adun Batang Kali, tiada kena mengena dengan masalah berkenaan.

Di KOTA BHARU, Langkah Muhammad meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Selangor adalah wajar demi menjaga nama baik parti dan kerajaan, kata Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

"Oleh itu, tindakan Muhammad meletakkan jawatan itu lebih baik daripada dipecat," katanya selepas berucap pada majlis taklimat mengenai masalah sosial di Balai Islam, Lundang, dekat sini, pagi ini.

Nik Abdul Aziz berkata, tindakan itu sebagai menandakan keinsafan seseorang terhadap sesuatu kesilapan yang dilakukannya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Dap, Lim Kit Siang meminta Muhammad meletakkan semua jawatannya supaya ia menjadi contoh kepada pemimpin politik lain atau pegawai kerajaan yang bermasalah, pada masa depan.

"Muhammad sepatutnya meyakinkan orang ramai yang keputusannya meletak jawatan adalah ikhlas dan menjadi contoh kepada pemimpin politik lain dan pegawai kerajaan," katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan di sini.

(END)